**CHOO BOON GOH @ SING ENG**

**lwn.**

**PENDAKWA RAYA**

MAHKAMAH TINGGI, SHAH ALAM
TUAN AZMEL B. HJ. MAAMOR PK
[RAYUAN JENAYAH NO. SCA 41-173-1989]
3 FEBRUARI 1993

***UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Pertuduhan dibawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 - Sama ada tuan punya kenderaan dan pemandunya boleh dipertuduhkan bersama dibawah s. 19(3) Akta tersebut.***

Perayu, tuan punya kenderaan telah dituduh dibawah s. 19(3) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 di Mahkamah Majistret bersama dengan pemandunya. Perayu telah menimbulkan bantahan awal atas pertuduhan bersama dan merayu atas penolakan bantahan itu oleh Majistret.

**Diputuskan:**
**[1]** Pendakwaan memang berhak untuk mandakwa pemandu bersama tuan punya kenderaan.

**[2]** Sekiranya tuan punya kenderaan telah mengakui salah dan telah dikenakan hukuman oleh Mahkamah, penarikan balik kes terhadap pemandu adalah atas budibicara pendakwaan. Mahkamah tidak ada kuasa untuk membebas dan melepaskan pemandu dari tuduhan itu.

**[3]** Perbicaraan belum lagi berjalan dan tiada siapapun yang telah mengaku salah. Permohonan perayu adalah "premature". Dan sepatutnya yang memohon bukan tuan punya kenderaan tetapi pemandunya.

*[Rayuan ditolak]*

**Kes-kes yang dirujuk:**
*PP lwn. Chuan Keat Chan Ltd. [1973] 1 MLJ 249* ***(dirujuk)***
*Yap Yoke Sam lwn. PP [1955] MLJ 114* ***(dirujuk)***
*PP lwn. Teoh Hock Hai [1974] 2 MLJ 122* ***(dirujuk)***
*Carpenter lwn. Campbell & Ors. [1953] 1 All ER 280* ***(dirujuk)***

**Akta-Akta yang dirujuk:**
Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, s. 19(3)
Kanun Acara Jenayah, ss. 173A(ii)(a) & 183(2)(a)
Akta Kastam 1967, s. 135(1)

*Bagi pihak Pendakwa Raya - Mohd. Yusoff Hj. Zainal Abidin TPR*
*Bagi pihak perayu - Ravichandran; T/n. Seah Balan Ravi & Co.*

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Azmel b. Hj. Maamor PK:**
Di Mahkamah Majistret Kelang perayu, tuan punya kenderaan telah dituduh di bawah s. 19(3) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pemandu kenderaan tersebut juga dituduh di bawah seksyen yang sama. Di awal pembicaraan perayu telah menimbulkan satu preliminary isu kepada Majistret dengan mengatakan pendakwaan terhadap kedua-dua tuan punya kenderaan dan pemandunya di bawah s. 19(3) Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 tidak boleh dilakukan. Perayu telah mengemukakan kes Federal Court; *PP v. Chuan Keat Chan Ltd.* [1973] 1 MLJ 249 di mana Ong CJ berkata:

> We should however, like to add a rider, we do not think it right or proper or that it serves any purpose for this driver carrying out or disobeying the instructions of his employer also to be prosecuted. The principle to be applied is **respondent superior,** and it is true to say that invariably the employer has been paying his driver's fine. The only possible exception would be where the driver takes out a vehicle for his own private gain, using it without the owner's knowledge, consent or connivance: in which case the person to be prosecuted should be the driver himself and no reflection cast on the owner if evidence produced, he can exonerate himself.

Majistret Kelang telah menolak permohonan perayu itu dengan alasan tujuan dan perkataan s. 19(3) adalah jelas dan nyata. Di atas keputusan Majistret itu perayu telah merayu kepada Mahkamah ini.

Peguambela bagi pihak perayu masih juga bergantung dengan obiter Ong CJ di dalam kes *PP v. Chuan Keat Chan Ltd.* [1973]. Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak Pendakwa Raya telah mengemukakan beberapa kes. Di antara kes yang relevant dengan isu ini ialah kes *Yap Yoke Sam v. PP* [1955] MLJ 114 dan *PP v. Teoh Hock Hai* [1974] 2 MLJ 122. Ketiga-tiga kes yang dirujuk itu adalah mengenai kesalahan mengenai kegunaan kenderaan perdagangan.

Di dalam kes *Yap Yoke Sam v. PP* [1955] MLJ 114, perayu adalah pemandu sebuah van kepunyaan majikannya yang juga telah didakwa. Di dalam penghakimannya Buhagiar J berkata:

> The learned Counsel referred me to the case of *Carpenter v. Campbell & Ors.* [1953]1 All ER 280 where Lord Goddard held that although it is technically correct for a summons to be issued against the driver of the unlicensed vehicle, this course tends to be oppressive and is undesirable where the driver is the employee of the owner and not responsible for the licensing of the vehicle. In that case, the case was sent back to the Justices to convict the Company (the owner of the unlicensed vehicle) and the Justices were directed to give an absolute discharge to the driver. Lord Goddard added: "and I hope that persons who are responsible for these prosecutions will not in similar cases multiply summons in this way, but will serve the people responsible and not the people who are not responsible.

Di dalam kes itu Buhagiar J memutuskan:

> In the circumstances of this case I agree with the *dicta* of Lord Goddard in *Carpenter v. Campbell & Ors.* [1953] 1 All ER 280 and in my opinion this is a case where the learned Majistret could have exercised the powers conferred on him by s. 173A (ii)(a) of the Criminal Procedure Code. In my opinion, it is just that an order dismissing the third and fourth charges be made and I make an order accordingly under the provisions of s. 173A (ii)(a) of the Criminal Procedure Code.

Di dalam kes semakan jenayah, di Mahkamah Pulau Pinang, *PP v. Teoh Hock Hai* [1974] 2 MLJ 122, Chang Min Tat J telah juga merujuk kepada kes *Yap Yoke Sam v. PP* [1955] MLJ 114 dan juga kes *PP v. Chuan Keat Chan Ltd*. [1973] 1 MLJ 249 dan keputusan Chang Min Tat J ialah:

> I have ascertained that the employers have been adequately dealt with and for the same reasons I now set aside the convictions and order that the fines if paid be refunded and admonish and discharge the respondent under s. 183(2)(a) of the Criminal Procedure Code.
>
> (Section 183(2) of Penang CPC is similar to s. 173A(ii)(a) of the Federated Malay States Criminal Procedure Code).

Kesimpulan yang didapati dari ketiga-tiga kes yang dirujuk di atas ialah:

1. Soal samada pemandu boleh didakwa atau tidak, tidak timbul sama sekali. Dari segi undang-undang Pendakwa berhak mendakwa pemandu kenderaan bersama-sama tuan punya kenderaan.
2. Mahkamah tidak gemar pendakwaan terhadap pemandu dibuat bersama-sama tuan punya kenderaan. Sebagai menunjukkan ketidaksukaannya Mahkamah telah menjatuhkan hukuman yang paling ringan ke atas pemandu, iaitu ikatan jamin tanpa sabitan di bawah s. 173A (ii)(a) Kanun Acara Jenayah.
3. Hukuman ringan oleh Mahkamah terhadap pemandu dibuat hanya apabila tuan punya kenderaan telah dikenakan hukuman yang sewajarnya, mengenai kesalahan yang sama.

Mengenai kes ini dan berpandukan kepada kes-kes yang dirujuk di atas, saya berpendapat bahawa Pendakwaan memang berhak untuk mendakwa pemandu bersama-sama tuan punya kenderaan. Tetapi jika sekiranya tuan punya kenderaan telah mengaku salah dan telah dikenakan hukuman oleh Mahkamah maka adalah wajar bagi pihak Pendakwaan untuk menarik balik tuduhan terhadap pemandu atas sebab-sebab yang dinyatakan di dalam kes-kes yang dirujuk di atas. Perkara seperti ini sering dilakukan oleh pihak pendakwaan di dalam kes-kes Kastam terutama sekali tuduhan di bawah s. 135(1) Akta Kastam 1967, di mana tuan punya kenderaan dan pemandunya selalu dituduh bersama dan apabila tuan punya kenderaan mengaku salah, tuduhan terhadap pemandu lazimnya ditarik balik oleh pihak Pendakwaan. Ini adalah di atas budibicara Pendakwaan. Mahkamah tidak ada kuasa untuk membebas dan melepaskan pemandu dari tuduhan itu. Kuasa Mahkamah hanyalah untuk memberi hukuman yang paling ringan.

Bagaimanapun di dalam kes ini pembicaraan belum lagi berjalan dan tiada sesiapa pun yang telah mengaku salah. Saya dapati permohonan perayu adalah premature . Dan sepatutnya yang memohon ialah pemandunya dan bukan tuan punya kenderaan. Oleh yang demikian rayuan ini adalah ditolak.